



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### **SME SRF BNM BANTU PMKS DAPAT PEMBIAYAAN RENDAH, PELAKSANAAN PERLU DIPERCEPAT**

---

**PUTRAJAYA, 16 Mei** – Mulai 15 Mei 2026, syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) seluruh negara boleh mula memohon pembiayaan melalui Kemudahan Kestabilan PKS (SME Stabilisation Relief Facility, SME SRF) bernilai RM5 bilion oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Di bawah program ini, PMKS yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM750,000 dengan kadar faedah atau keuntungan maksimum sebanyak 3.75% setahun.

Kemudahan ini akan disalurkan melalui 18 institusi kewangan yang mengambil bahagian termasuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan SME Bank di bawah KUSKOP. (*[Senarai penuh institusi kewangan dilampirkan bersama kenyataan ini.](#)*)

PMKS boleh memohon pembiayaan ini mulai 15 Mei 2026 hingga 31 Disember 2026, atau sehingga keseluruhan peruntukan pembiayaan berjumlah RM5 bilion digunakan sepenuhnya

KUSKOP menggesa semua institusi kewangan yang terlibat supaya mempercepat proses permohonan, kelulusan dan penyaluran pembiayaan di bawah SME SRF dengan prosedur yang lebih pantas, fleksibel dan mesra PMKS agar bantuan dapat disalurkan secara segera kepada perusahaan yang memerlukan dan terkesan akibat ketidakpastian ekonomi semasa.

KUSKOP turut berharap institusi kewangan terus memainkan peranan sebagai rakan strategik kepada PMKS dengan mengambil pendekatan yang lebih inklusif dan praktikal dalam menilai permohonan pembiayaan, khususnya melibatkan perusahaan mikro dan perniagaan kecil.

Dana baharu RM5 bilion daripada BNM serta tambahan RM5 bilion dalam bentuk jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) menjadikan keseluruhan peruntukan dan dana bagi sektor PMKS pada tahun ini meningkat daripada RM50 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 kepada RM60 bilion. Ini menunjukkan tekad dan usaha Kerajaan MADANI untuk menyokong sektor PMKS Malaysia yang lebih berdaya saing walaupun berdepan krisis bekalan tenaga dunia.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

**STEVEN SIM CHEE KEONG**

**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**15 MEI 2026**

## **SME Stabilisation Relief Facility (SME SRF)**

### **List of Participating Financial Institutions (PFIs)**

1. Alliance Bank Malaysia Berhad / Alliance Islamic Bank Berhad
2. Affin Bank Berhad / Affin Islamic Bank Berhad
3. Ambank (M) Berhad / Ambank Islamic Berhad
4. Bank Islam Malaysia Berhad
5. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
6. Bank Muamalat Malaysia Berhad
7. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)
8. Bank Simpanan Nasional
9. CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad
10. Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
11. Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad
12. Malayan Banking Berhad / Maybank Islamic Berhad
13. Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (OCBC Bank)
14. Public Bank Berhad / Public Islamic Bank Berhad
15. Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
16. RHB Bank Berhad / RHB Islamic Bank Berhad
17. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
18. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

Source: Bank Negara Malaysia

*Note: This list will be updated from time to time. Please ensure you are referring to the latest version by downloading it directly from <https://www.bnm.gov.my/funds4sme>.*